

29 DEC 2002

Sakaran-Temuramah (Bergambar)

TEMURAMAH KHAS DENGAN YANG DIPERTUA NEGERI SABAH

Oleh: Azman Ujang dan Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 29 Dis (Bernama) -- Walaupun sudah lapan tahun menyandang jawatan tertinggi selaku Yang Dipertua Negeri Sabah dan sebelum itu Ketua Menteri negeri yang keadaan politiknya kerap bergelora ini, Tun Sakaran Dandai tetap mengekalkan sifat peribadinya sebagai seorang yang amat merendah diri.

Malah kata-kata pertamanya sebaik sahaja memasuki bilik tamu di kediaman peribadinya di Likas di sini ialah meminta maaf kerana lewat sedikit menepati temuramah khas beliau dengan Bernama yang dijadualkan pada jam 3 petang Selasa lepas.

Berpakaian bush-jacket serta bersongkok yang sekian lama menjadi "lambang" beliau, tokoh berusia 72 tahun yang disegani oleh rakyat Sabah itu terus terang mengaku beliau tidak pernah mimpi atau terfikir bahawa suatu hari nanti akan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Beberapa kali dalam temuramah lebih sejam itu, Tun Sakaran menyebut bagaimana beliau bermula hanya sebagai kerani pada zaman pemerintahan British di pejabat daerah Semporna tempat kelahirannya di Pantai Timur Sabah yang bersempadan dengan perairan Selatan Filipina.

Selain menempah nama dalam bidang politik sehingga menyandang jawatan yang diidam-idamkan oleh pemimpin parti-parti politik di negeri iaitu Ketua Menteri pada 1994, Tun Sakaran juga terkenal sebagai seorang tokoh Islam yang disegani di Sabah melalui usaha peribadinya membina masjid-majid dan sekolah-sekolah agama.

Pada hari terakhir 2002 ini, beliau akan menamatkan penggalnya sebagai Yang Dipertua Negeri yang ke-8 setelah 54 tahun berkhidmat dalam pelbagai jawatan, termasuk sebagai menteri dalam Kabinet kerajaan pusat.

Dalam temuramah itu beliau memetik satu ayat Quran yang mendorong umat Islam supaya bekerja, cinta kepada kerja dan tugas, ikhlas, jujur, sabar kerana amalan yang baik akan diberi ganjaran.

" Saya rasa kejayaan saya sampai ke atas ini (kerana) tidak berhenti untuk mencari jalan menolong rakyat," katanya.

Beliau juga memberi penghormatan yang tinggi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaannya menstabilkan keadaan politik di Sabah yang membolehkan negeri ini menikmati kemajuan seperti di negeri-negeri lain.

Tun Sakaran juga bercakap mengenai peristiwa penting dalam sejarah politik Sabah dengan gagasan untuk menubuhkan Umno yang menjadi kenyataan pada 1991, yang membawa kepada pembubaran Usno, parti yang ditubuhkan untuk memperjuangkan kemerdekaan Sabah melalui persekutuan Malaysia pada 1963.

Berikut petikan temuramah itu:

Soalan: Tun telah melalui pelbagai pengalaman sebagai rakyat biasa dan kemudian menjadi pemimpin politik sebelum dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri. Boleh Tun ceritakan serba sedikit serta mengenai tugas Tun sebagai Yang Dipertua Negeri?

Sakaran: Pengalaman yang kita lalui barangkali terlalu panjang. Tapi ini semuanya berlaku dari anugerah Allah juga, saya tidak mimpi dan terfikir yang saya akan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Perjuangan ini terlalu jauh berliku. Saya dapat menjalankan tugas ini kerana kepercayaan Dr Mahathir. Terima kasih di atas kepercayaan beliau

melantik saya sebagai menteri di (peringkat) persekutuan, kemudian Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri. Saya dapati apa yang saya lalui sejak mula dari peringkat bawah, menjadi kerani, ketua anak negeri, ketua daerah dan kemudian mengikuti perjuangan merdeka.

Dulu bukan banyak anak-anak yang berpendidikan tinggi. Tetapi oleh kerana usaha guru dan ibu bapa dan juga pimpinan agama kita dan pemimpin kita, saya dapat mempelajari banyak perkara dengan mereka dari segi agama, undang-undang, pentadbiran dan kemasyarakatan. Masa itu hidup susah... saya tahu memancing juga, berkebun bersama rakan-rakan. Masa itu miskin, susah, mesti tiap-tiap hari ibu bapa bekerja keras. Saya juga ikut belajar sekolah malam, lepas itu kita juga bercucuk tanam.

Pergaulan dari awal ini yang memberikan saya disiplin untuk menghadapi tugas sampailah ke jawatan ini. Daripada kesungguhan untuk berusaha dalam penjajahan British, saya dapat pendedahan dan banyak belajar. Yang tidak habis kerja di pejabat pun kita bawa ke rumah, asalkan kerja kita laksanakan.

Saya salah seorang ketua dari Semporna yang dipanggil untuk membincangkan pembentukan kemerdekaan, pembentukan Malaysia dan pengalaman ini dapat menolong saya sewaktu saya dilantik dalam pelbagai jawatan. Saya tidak mempunyai kebolehan yang tinggi. Cuma itu sahaja, saya bekerja dengan tekun dan apa yang diamanahkan kepada saya laksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Apabila menjadi yang dipertua negeri, kita tahu tugas itu berbeza dengan kerani, pegawai dan ketua menteri.

Kerja-kerja di Istana juga kita ada pegawai-pegawai untuk membantu melaksanakan tugas. Kerja kita di istana ini di kemuncak pentadbiran negeri, apabila ada sesuatu dasar yang memerlukan perkenan, maka Yang Dipertua Negeri akan laksanakan tugas yang diperlukan.

Kerja-kerja juga merangkumi pelantikan jemaah menteri, ketua menteri, pelantikan badan-badan agama. Kita bertugas menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja tiga bulan sekali. Acara yang lain memang tidak berhenti. Memang sentiasa sibuk.

Soalan: Apakah perkara yang menjadi pegangan Tun selama ini?

Sakaran: Pertama sekali ia adalah anugerah Illahi dan persediaan kita untuk menghadapi apa juga tugas kita berdasarkan ilmu, agama dan juga perasaan positif menghadapi sesuatu dengan kesabaran dan begitu juga dengan kita selalu mengikuti perkembangan semasa. Tapi yang penting, berpandukan Quran yang mendorong kita bekerja, cinta kepada kerja dan tugas, ikhlas, jujur, sabar. amalan yang baik akan diberi ganjaran. Ini mendorong kita untuk selalu berbakti.

Saya rasa kejayaan saya sampai ke atas ini, melalui dari tidak berhenti untuk mencari jalan menolong rakyat.

Soalan: Tun juga melihat bagaimana kerajaan negeri bersilih ganti di Sabah dari zaman Usno, kemudian Berjaya, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Barisan Nasional (BN). Adakah pada pandangan Tun, politik Sabah kini dalam keadaan stabil?

Sakaran: Kalau kita lihat, barangkali sewaktu baru Merdeka kita bersatu padu dalam kerajaan Perikatan tetapi akhirnya berpecah, lahir Berjaya, lahir PBS. Sudah teruji semua parti-parti ini oleh rakyat dan pemimpin kita. Jadi nampaknya Sabah di dalam perpecahan dan itu bertambah merugikan rakyat kerana sukar membawa pembangunan. Tapi kita bersyukur kerana pandangan Dr Mahathir dan membawa masuk Umno ke Sabah. Dr Mahathir mahu supaya rakyat Sabah bersatu padu dan dimajukan supaya mereka juga menikmati

pembangunan seperti di negeri lain.

Jadi gagasan untuk menubuhkan Umno itu terus diusahakan. Akhirnya ia menjadi kenyataan.

Saya tidak terduga diberi tanggungjawab mengetuai Umno di Sabah. Saya taat kepada pemimpin sejak mula lagi. Mula-mula Umno Sabah diketuai oleh (Allahyarham) Tun Mustapha dan Tun Ghafar Baba dan kemudian saya menjadi pengerusi perhubungan. Kerja bukan senang, keadaan tidak mudah ketika itu kerana kita ketika itu adalah dalam pembangkang di Sabah.

Alhamdulillah sokongan daripada pemimpin pusat, kita dapat bersatu padu dan sanggup pemimpin Usno, Berjaya dan PBS masuk dalam Umno.

Kemudian apabila tiba tempoh pilihan raya pada 1994, Dr Mahathir menyuarakan janji untuk membangunkan Sabah dan saya juga bersuara mengenai harapan rakyat untuk membawa pembangunan ke negeri ini kalau Umno dan BN ini disokong. Tapi ini bukan senang, banyak kerja yang perlu dilakukan siang-malam tidak berhenti. Rumah ini pun jadi markas. Para pemimpin kita di sinilah berkumpul. Saya bersyukur juga dapat bantuan keluarga saya. Isteri saya juga turut membantu menyediakan makan minum.

Kita berpegang kepada prinsip iaitu kita bekerja bersungguh-sungguh, kita rancang masa depan bangsa kita, mesti ada perasaan cinta kepada tanah air kita, bangsa, agama kita dan itu menjadi niat kita jadi kita pegang teguh itu.

Sejak mula dari Semporna ke mari, apa bangsa itu memang saya biasa bergaul, berkenalan, tolong menolong dan hormat menghormati.

Soalan: Adakah Tun berpuas hati dengan kemajuan Sabah?

Sakaran: Kita bersyukur kepada Tuhan. Inilah janji kita kepada rakyat untuk membawa pembangunan kepada mereka di bawah gagasan Sabah baru. Pembangunan dalam semibilan tahun ini kalau dibanding dulu, jauh bezanya dari segi pendidikan, sekolah, kolej, universiti. Juga pembangunan dari segi kesihatan di merata-rata tempat. Jalan raya, kemudahan asas dan peluang perniagaan juga meningkat.

Cuma apa yang kita perlukan, kerajaan sudah belanja begini banyak untuk menyediakan kemudahan, tapi ini terpulang banyak kepada usaha daripada rakyat, inisiatif rakyat.

Banyak sekolah tapi ada yang berbeza pencapaiannya. Kerajaan sudah sediakan semua ini dan ini terpulang kepada penyertaan ibu bapa dan semangat guru-guru.

Peluang perniagaan hendaklah dimanfaatkan. Banyak juga kontraktor Bumiputera yang ada kejayaan dan kita harapkan mereka akan terus maju. Kalau ditanya adakah puas hati, kita akan puas hati kalau ada kejayaan. Kalau tiada kejayaan walaupun Kerajaan bawa banyak peruntukan, tetapi kalau semangat rakyat hanya mengambil ringan, tentu tidak ada hasil daripada usaha-usaha itu.

Ada yang maju dan ada juga yang masih mundur yang kurang faham mengenai semangat membangun. Jadi kita harapkan Kerajaan memperbanyakkan pegawai yang dapat membimbing anak-anak bangsa dalam bidang perniagaan, khasnya di luar bandar supaya dengan adanya penyeliaan, apa juga yang dirancang akan terus boleh membawa kejayaan. Orang yang masih ketinggalan perlu diberi bimbingan.

Soalan: Mengimbas kembali pada 1994, Tun pada ketika itu baru sahaja memegang jawatan Ketua Menteri selama hanya lapan bulan dan dilantik pula ke jawatan Yang Dipertua negeri. Adakah ketika itu Tun merasakan jawatan Yang Dipertua Negeri datang secara tiba-tiba?

Sakaran: Yang sebetulnya, apa juga pandangan dan nasihat pucuk pimpinan

kita terima. Itulah prinsip saya dari mula, yakin dan taat kepada kepimpinan.

Memang saya bersyukur kerana dilantik ke jawatan ini kerana ini mengikut kebolehan saya dan juga umur, memang sepatutnya kita serahkan kerja-kerja yang lebih mencabar untuk membawa pembangunan kepada rakyat ini kepada pelapis kita yang sudah bersedia.

Soalan: Saya mahu bertanya kepada Tun mengenai falsafah Tun terhadap apa yang kita panggil sebagai kuasa atau "power". Tun pernah memegang jawatan yang paling berkuasa di Sabah iaitu Ketua Menteri. Benarkan persepsi sesetengah orang bahawa kalau seseorang itu mempunyai terlalu banyak kuasa, kuasa itu mudah disalahgunakan?

Sakaran: Keadaan-keadaan itu memang banyak berlaku dan tidak berlaku. Dari masa ke masa, siapa juga menjadi Ketua Menteri, maka kadang-kadang terlalu banyak rancangan, desakan dan permohonan, lebih-lebih lagi dalam era kita yang banyak parti. Jadi permohonan dari semua ini yang menjadikan kita mencari jalan bagaimana boleh melayan mereka. Dari merekalah kita dapat kuasa kerana sokongan mereka. Jadi untuk membalas budi, kita berusaha mencari jalan untuk menolong mereka dan memang ini pesanan Dr Mahathir apabila memegang tampuk pemerintahan, jalankan dengan sebaik mungkin sebagaimana kita sudah berjanji untuk menjalankan tugas sebaiknya.

Dari semasa ke semasa keadaan ini berubah-ubah. Perubahan sistem giliran jawatan Ketua Menteri, dua tahun untuk seseorang Ketua Menteri itu. dua tahun mungkin baru sempat dia merancang dan kemudian diganti oleh orang lain.

Soalan: Apakah pandangan peribadi Tun mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri. Adakah menguntungkan dari segi pentadbiran politik atau membawa kerugian?

Sakaran: Saya ingat dua-dua ada. Kestabilan politik ada, ini keadilan ada untuk setiap kaum, jadi setiap kaum itu merasakan mereka diberi peluang, tidak dianaktirikan. Tiada penindasan dan setiap kaum itu apabila pemimpinnya menjadi Ketua Menteri dia tolong orang dia di samping menolong orang lain. Mungkin dari giliran inilah maka kukuhkan perpaduan, mengurangkan berpolitik. Semua pemimpin dapat tumpukan tenaga dan kemudahan untuk membawa perpaduan rakyat.

Soalan: Apakah pada pandangan Tun sumbangan istimewa Dr Mahathir terhadap Sabah dan rakyatnya?

Sakaran: Saya ingat Dr Mahathir pemimpin kita yang Tuhan anugerahkan kepada negara kita. Kita lihat wawasan Dr Mahathir ini jauh. Kita lihat, dalam keadaan di Sabah misalnya, bagaimana menyatukan rakyat bukan senang kalau tiada pandangan jauh. Misalnya giliran Ketua Menteri ini satu bentuk pandangan jauh. Kalau tengok dalam perlembagaan parti, yang menang besar diangkat menjadi Ketua Menteri. Tapi pandangan ini sudah dicuba di masa lalu. Pemimpin parti yang menang jadi Ketua Menteri, tapi bila jadi Ketua Menteri dia bangun tempat dia dan lain-lain tertinggal. Ini menjadi sesetengah tempat di Sabah sudah ketinggalan.

Dr Mahathir memang melihat ini semua dan tahu ini semua dan inilah pandangan jauh beliau, bagaimana beliau dapat melahirkan satu sistem penggiliran Ketua Menteri ini.

Soalan: Apakah nasihat Tun kepada golongan muda yang tidak berpeluang melalui liku-liku hidup dalam zaman penjajah dan tidak merasakan keperitan

perjuangan mencapai kemerdekaan kerana mereka dilahirkan selepas merdeka?

Sakaran: Kita harus banyak bersyukur kepada Tuhan. Zaman kita dijajah oleh British ada beberapa sahaja orang kita yang dapat kelulusan tinggi dan ada berapa banyak orang lagi yang buta huruf. Ini penting kepada kaum bangsa kita. Bezanya kita 100 tahun dijajah dan Sabah merdeka baru 39 tahun tapi kita bangunkan pendidikan kepada golongan muda kerana mereka ini bakal pewaris kepimpinan bangsa kita di masa hadapan. Peratusan besar perbelanjaan adalah untuk pendidikan sebab harapan masa depan itu mereka akan dapat mempertingkatkan lagi, membawa pembangunan untuk negara kita dan perpaduan untuk negara kita.

Ini harapan semua kita supaya peruntukan pendidikan dapat digunakan ke jalan kebaikan bukan untuk merosakkan negara kita. Kerana kita sudah dirosakkan dulu ketika kita dijajah, sampai orang kita jadi miskin. termasuk sayalah, pergi sekolah atap nipah, tidak pakai kasut dan satu pasang baju satu tahun. Berbanding sekarang kita bersekolah boleh pilih-pilih sekolah mana yang kita mahu. Ada juga menghantar anak ke luar negara

Dulu kalau kita ke sekolah belum terus masuk ke kelas, kita mesti menyapu dan membersihkan kawasan sekeliling sekolah, selepas itu kita mesti kerja kebun sekolah dan bersenam baru kita masuk kelas.

Zaman penjajah tidak banyak peluang kerja. Tahun 1948 dalam kelas saya hanya empat orang dapat kerja. Sekarang banyak peluang pekerjaan, jadi ini perlu disyukuri oleh anak-anak muda kita. Dalam memperjuangkan kemerdekaan, liku-liku yang dilalui, pahit manis, tidak dirasa oleh generasi sekarang tapi orang dulu merasainya. Kita harapkan gunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya supaya kita melahirkan anak bangsa yang berguna kepada negara.

Soalan: Apakah perasaan Tun ketika akan bersara ini?

Sakaran: Saya bersyukur kepada Tuhan dan saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dr Mahathir, pemimpin di seluruh negara dan rakyat yang memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya. Begitu juga masa saya menjawat jawatan Yang Dipertua Negeri, saya telah berkesempatan untuk bersama-sama dengan pemimpin membawa perpaduan rakyat dan walaupun sedikit saya dapat sumbangkan, saya dapat bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negeri kita termasuklah pembangunan keagamaan, banyak masjid, surau didirikan dan peningkatan orang kita dalam agama membantu juga kerajaan kita semakin matang dan mantap.

Juga penghargaan kepada kerajaan kerana menolong mengawal keadaan keselamatan...kita lihat kalau dulu di Pantai Timur selalu diganggu perompak dan lanun. Saya bersyukur Kerajaan Pusat mengambil berat tentang keselamatan di Sabah ini dan polis, tentera dan kemudahan untuk kawalan cukup baik sehigga kita lihat keamanan.

Para nelayan tidak lagi takut kepada buruan lanun ini. Begitu juga kemasukan pendatang juga dapat dicegah. Keamanan di Sabah juga satu tarikan kepada pelabur dan pelancong kerana mereka yakin negeri kita selamat, makmur dan budaya hormat-menghormati, bersatu-padu, toleransi.

Soalan: Apakah perancangan Tun selepas ini?

Sakaran: Masa sudah berlalu dan segala pengalaman boleh digunakan, sisa-sisa usia yang ada untuk beribadat, untuk kita menolong dalam rancangan pembangunan agama dan juga melihat anak-anak dan cucu-cucu bagaimana dapat meningkatkan lagi pencapaian mereka dalam ilmu termasuklah budi.

Juga saya akan bekerja dengan rakan-rakan dalam segi kebajikan dan sentiasa mendoakan pemimpin dan penerus bangsa dalam Umno dan BN, supaya akan terus bersatu padu dan negara kita terus aman, makmur, bahagia.

Begitu juga tentang peranan ibu bapa, guru-guru dan pemimpin untuk menolong mengangkat martabat bangsa.

-- BERNAMA

AU JS RON